

# Abdullah: Perubahan lebih pesat di Kelantan

UUM - 3/8/2007

KOTA BHARU 2 Ogos - Peruntukan besar bagi menjayakan pelbagai projek di Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dibuat bagi memenuhi suara hati dan kehendak rakyatnya yang mahu negeri ini dibangunkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, banyak pandangan oleh pelbagai pihak yang mewakili rakyat negeri ini termasuk kalangan pimpinan politik dan anak negeri telah diterjemahkan melalui RMK-9.

Katanya, banyak kemudahan tambahan akan menyusul kelak lebih-lebih lagi apabi-

la Koridor Timur mula digerakkan.

"Perubahan yang lebih pesat akan dapat disaksikan di Kelantan, antaranya lebih banyak jalan raya dibina dan penyediaan saluran yang dapat meningkatkan keberkesanan kegiatan ekonomi," katanya.

Beliau yang dalam rangka lawatan kerja selama dua hari ke negeri ini menyatakan demikian ketika berucap pada Majlis Mesra Rakyat di Dataran Warisan KADA, Kok Lanas dekat sini hari ini.

Pada majlis itu, Abdullah turut mengumumkan pembinaan kolej matrikulasi di Kok Lanas bernilai RM150 juta di samping

sebuah kolej komuniti dan pembinaan 1,000 unit rumah mampu milik kos rendah dan sederhana.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa bangga kerana projek Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra yang ditunggu-tunggu oleh rakyat sejak sekian lama akhirnya dilancarkan pembinaannya hari ini di samping projek pembinaan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai bernilai RM200 juta.

"Ini adalah lawatan kerja saya untuk meninjau pelaksanaan apa yang telah diumumkan dan meneliti apa lagi yang perlu disegerakan," katanya.

Abdullah mahu jentera pelaksana pembangunan menjayakan projek-projek yang dirancang di bawah RMK-9 dengan penuh keikhlasan demi kepentingan rakyat.

Beliau berkata, sebelum ini kerajaan mengambil sedikit masa untuk menggerakkan projek selepas RMK-9 diumumkan bagi memperincikannya agar benar-benar dapat berjalan dengan baik dan sempurna.

"Apa yang yang dirancang tidak dibuat ikut suka, ia perlu disusun betul-betul kerana kita mahu hidangan kepada rakyat rancangan yang memberi kebaikan kepada mereka," ujarinya.